

SULIT



JABATAN PELAJARAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR

**UJIAN DIAGNOSTIK  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2009**

**21/1**

**SEJARAH**

**Kertas 1**

**Mei**

**1½ jam**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat cadangan jawapan yang berhuruf A, B, C, dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan hitamkan pilihan anda yang baru.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

[WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY](http://WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY)

- 1 Maklumat di bawah merujuk kepada sumber pertama.


X	Apakah X?		
Tinggalan haiwan yang wujud pada zaman silam	A Fosil	C Manuskrip	
	B Artifak	D Batu bersurat	

- 2 Senarai di bawah merujuk kepada sumber sejarah.

- Buku
- Majalah
- Ensiklopedia

Sumber tersebut ialah

- |                 |                    |
|-----------------|--------------------|
| A sumber lisan  | C sumber sekunder  |
| B sumber primer | D sumber arkeologi |
- 3 Gambar 1 di bawah menunjukkan pengebumian manusia Zaman Neolitik yang ditemui di Gua Cha, Kelantan.



Gambar 1

Apakah rumusan kamu berdasarkan gambar tersebut?

- |                          |                                   |
|--------------------------|-----------------------------------|
| A Penggunaan alat batu   | C Penghasilan barang kemas        |
| B Penciptaan alat gangsa | D Perkembangan teknologi tembikar |
- 4 Gambar 2 di bawah menunjukkan peralatan pada Zaman Logam. Apakah nilai yang boleh dihayati daripada penciptaan logam tersebut?



Gambar 2

- |              |
|--------------|
| A Adil       |
| B Amanah     |
| C Kreativiti |
| D Muafakat   |

5 Apakah rumusan anda berdasarkan penemuan artifak pada zaman kerajaan Kedah Tua berikut?

- Manik dari India
- Barang kaca dari Timur Tengah
- Wang perak zaman pemerintahan Sultan al-Mutawakil

- A Kekayaan hasil bumi      C Kemajuan pelabuhan entrepot  
B Kewujudan pengaruh Islam      D Kecekapan sistem pentadbiran

6 Monolog berikut mungkin berlaku di Temasik pada tahun 1400.

Parameswara : Tempat ini berpotensi untuk dimajukan berdasarkan kedudukannya yang strategik kerana menjadi laluan kapal dagang

Apakah ciri kepimpinan yang ditonjolkan oleh Parameswara?

- A Bersifat adil      C Bertimbang rasa  
B Bertolak ansur      D Berpandangan jauh


7 Apakah peranan pedagang Melaka ketika menunggu peralihan angin monsun?

- A Menjadi orang perantaraan      C Mengumpul barang dagangan  
B Membuka pusat perdagangan      D Mengawal kawasan perkapalan

8 Apakah usaha yang dilakukan oleh Sultan Muzaffar Shah untuk menjadikan Melaka sebuah empayar yang luas?

- A Menakluki kawasan sekitar      C Mengawal laluan perdagangan  
B Membuka penempatan baru      D Menghapuskan ancaman lanun

9 Rajah 1 menunjukkan arah pergerakan Sultan Mahmud Shah, pembesar dan rakyat Melaka selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis.



Apakah X?

- A Riau      C Bentan  
B Lingga      D Kota Tinggi

10 Maklumat berikut berkaitan dengan pembesar kerajaan Johor.

- Tun Sri Lanang
- Laksamana Tun Abdul Jamil

Apakah persamaan tokoh tersebut?

- A Menyusun sistem cukai
- B Menawan semula Melaka
- C Memajukan pelabuhan negeri
- D Memperkenalkan jawatan Yamtuan Muda

11 Persaingan antara Johor, Acheh dan Portugis menyebabkan berlakunya Perang Tiga Segi.

Mengapakah Acheh menyerang Johor?

- A Menguasai pentadbiran
- B Memonopoli bahan mentah
- C Menghalang perluasan kuasa
- D Menjamin kemajuan perdagangan

12 Sultan Kedah menghantar 'bunga emas' kepada Siam setiap tiga tahun sekali.

Mengapakah baginda berbuat demikian?

- A Memperoleh kekayaan hasil bumi
- B Memastikan keselamatan negerinya
- C Mempunyai pelabuhan yang strategik
- D Menjamin kelincinan urusan pentadbiran

13 Dialog di bawah mungkin berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional.

Maimun : Orang yang bersalah harus dihukum agar sedar dan insaf.

Mamat : Hukuman ini bertujuan untuk pemulihan

Dialog tersebut berkaitan

- |                   |                        |
|-------------------|------------------------|
| A Adat Perpatih   | C Undang-undang Kedah  |
| B Adat Temenggung | D Undang-undang Pahang |

14 Apakah kaum yang mengamalkan perayaan berikut?

- Perayaan Gawai
- Pesta Menuai Padi

- |         |           |
|---------|-----------|
| A Iban  | C Kenyah  |
| B Kayan | D Melanau |

15 Senarai berikut merupakan bentuk hukuman yang diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah.

- Babas
- Sogit
- Kepanasan

Apakah tujuan hukuman tersebut dilaksanakan?

- |                        |                              |
|------------------------|------------------------------|
| A Memupuk kecekalan    | C Menyemai sifat keberanian  |
| B Mengeratkan hubungan | D Menanam semangat berdikari |

16 Mengapakah pedagang Negeri-Negeri Selat (NNS) mengambil tindakan berikut?

Tahun	Peristiwa
1873	Seramai 243 orang pedagang NNS menulis surat kepada Lord Kimberley.

- |                                 |                                     |
|---------------------------------|-------------------------------------|
| A Keselamatan tergugat          | C Kekurangan sumber kewangan        |
| B Kegiatan lanun tidak terkawal | D Keadaan politik yang tidak stabil |

17 Apakah kesan peristiwa berikut kepada Tanah Melayu?

Pada tahun 1897, Sultan Kelantan telah memberikan konsesi tanah seluas 776996 hektar kepada *Duff Development Company*.

- |                                  |                                     |
|----------------------------------|-------------------------------------|
| A Perluasan pengaruh British     | C Penghapusan sistem percukaian     |
| B Peningkatan kegiatan pertanian | D Penguasaan Siam dalam pentadbiran |

18 Apakah usaha Tunku Mahmud untuk mengekalkan identiti negeri Kedah?

- |                              |                                |
|------------------------------|--------------------------------|
| I Durbar ditubuhkan          | III Cuti umum pada hari Jumaat |
| II Kalendar hijrah digunakan | IV Perlembagaan negeri digubal |
| A I dan II                   | C II dan III                   |
| B I dan IV                   | D III dan IV                   |

19 Maklumat berikut menunjukkan kekayaan hasil bumi di Sarawak pada kurun ke-19?

Apakah nilai yang boleh kita hayati?

- Emas
- Antimoni

- |                    |
|--------------------|
| A Berdikari        |
| B Bersyukur        |
| C Beramanah        |
| D Bertanggungjawab |

20 Dialog berikut mungkin berlaku di Istana Brunei pada tahun 1830-an.

Sultan Omar Ali Saifuddin : Kumpulkan askar Brunei ke Sarawak

Pangeran Muda Hashim : Menjunjung titah Tuanku

Mengapakah baginda bertitah demikian?

- A Mengawal laluan perdagangan
- B Memajukan kegiatan perdagangan
- C Menghalang perluasan kuasa asing
- D Menamatkan kebangkitan orang tempatan

21 Apakah kesan perjanjian berikut terhadap negeri Sarawak?

Perjanjian antara Pangeran Raja Muda Hashim dengan James Brooke pada tahun 1841

- A Pengaruh Brunei merosot
- B Pelaburan Eropah bertambah
- C Peningkatan taraf hidup rakyat
- D Pembangunan sistem pendidikan

22 Apakah peranan pembesar berikut dalam pentadbiran keluarga Brooke?


- Datu Bandar
- Datu Patinggi
- Datu Temenggung

- A Mengetuai operasi ketenteraan
- B Memajukan ekonomi tradisional
- C Menasihati tentang adat tempatan
- D Menguruskan pembahagian tanah

23 Apakah kesan pemberian piagam kepada Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad terhadap Sabah?

- A Menghapuskan ancaman Iban
- B Mengurangkan pelaburan asing
- C Menamatkan pemberontakan penduduk
- D Menghalang pertapakan kuasa Barat lain

24 Rajah 2 di bawah menunjukkan peranan Ketua Anak Negeri semasa pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Sabah.




Rajah 2

Apakah X?

- |                      |                             |
|----------------------|-----------------------------|
| A Mengawal residensi | C Menasihati Pegawai Daerah |
| B Menjaga keamanan   | D Mengetuai Jabatan Buruh   |

25 Rajah 3 di bawah menerangkan sebuah bandar di Sabah.



Rajah 3

Apakah X?


- |            |              |
|------------|--------------|
| A Kudat    | C Jesselton  |
| B Sandakan | D Lahad Datu |

26 Mengapakah tanaman tradisional berikut berkembang pesat di Tanah Melayu pada awal kurun ke-20?

- Tebu
- Nanas
- Ubi kayu

- |                                 |
|---------------------------------|
| A Memiliki teknologi moden      |
| B Mendapat dorongan pembesar    |
| C Memperolehi pasaran yang baik |
| D Menerima modal yang mencukupi |

27 Graf 1 di bawah menunjukkan keluasan ladang getah di Tanah Melayu antara tahun 1901-1912.



Graf 1

Mengapakah ladang getah berkembang pesat dalam tempoh tersebut?


- |                                       |
|---------------------------------------|
| A Kemasukan buruh India               |
| B Penggunaan teknologi moden          |
| C Kemerosotan penanaman kelapa        |
| D Permintaan terhadap getah meningkat |

28 Mengapakah kerajaan British mengambil tindakan berikut pada tahun 1920-an dan 1930-an?

- Memperkenalkan Rancangan Sekatan Stevenson
- Menandatangani Perjanjian Peraturan Getah Antarabangsa

- A Menstabilkan harga getah  
B Memelihara mutu susu getah  
C Memperbaiki cara penanaman getah  
D Mengurangkan penggunaan getah tiruan

29 Rajah 4 berikut menunjukkan perubahan nama bandar di Perak.



Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Kekayaan bijih timah      C Kemasukan buruh Cina  
B Menghargai jasa tokoh      D Berakhirnya Perang Larut

30 Mengapakah Tunku Abdullah, mengambil tindakan berikut pada tahun 1823?

Tunku Abdullah memimpin 3000 orang askar Kedah menentang Siam

- A Meluaskan wilayah  
B Mengawal perdagangan  
C Menamatkan kutipan cukai  
D Mengembalikan kedaulatan Negara

31 Mengapakah Dol Said menentang British di Naning?

- A Mengancam kedaulatan wilayah  
B Menentang amalan perhambaan  
C Melarang pembukaan tanah baru  
D Mencampuri adat resam tempatan

32 Jadual 1 berikut menerangkan perjuangan menentang penjajahan British.


Peristiwa	Tokoh
Menyerang balai Polis, Lubuk Terua	Dato' Bahaman
Membakar Pulau Gaya	X

Jadual 1

Siapakah X

- A Antanom      C Sharif Sahab  
B Mat Salleh      D Sharif Masahor

- 33 Rajah 5 di bawah menerangkan maksud semangat kebangsaan.



Apakah X?

- |                     |                       |
|---------------------|-----------------------|
| A Menyayangi diri   | C Mencintai tanah air |
| B Menghormati jiran | D Menghargai budaya   |

- 34 Maklumat di bawah menerangkan tokoh yang mempelopori Gerakan Islah di Mesir.

- Sayid Jamaluddin al-Afghani
- Syeikh Muhammad Abduh

Apakah tujuan gerakan tersebut?

- |   |              |
|---|--------------|
| I Mengetepikan adat resam                 |              |
| II Menyatukan seluruh umat Islam          |              |
| III Menentang penjajahan kuasa asing      |              |
| IV Menekankan pentingnya ilmu pengetahuan |              |
| A I dan II                                | C II dan III |
| B I dan IV                                | D III dan IV |

- 35 Maklumat di bawah menunjukkan novel yang diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua.

Penulis	Novel
Ishak Haji Muhammad	<ul style="list-style-type: none"><li>• Putera Gunung Tahan</li><li>• Anak Mat Lela Gila</li></ul>

Apakah mesej yang disampaikan dalam novel tersebut?

- A Menentang penjajahan British
- B Mewujudkan perpaduan kaum
- C Menyeru diadakan kongres Melayu
- D Menggalakkan penubuhan parti politik

- 36 Senarai berikut menerangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara Jepun semasa pemerintahan Maharaja Meiji.

- Mencari pasaran baru
- Kekurangan bahan mentah
- Kekurangan kawasan pertanian

Bagaimanakah Jepun mengatasi masalah tersebut?

- Mencipta teknologi baru
- Menjalin hubungan diplomatik
- Memohon bantuan dari negara luar
- Menjalankan dasar perluasan kuasa

37 Mengapakah Jepun menggunakan slogan berikut semasa Perang Dunia Kedua?

- Semangat Asia
- Asia Untuk Orang Asia


- Memerdekaikan negara Asia
- Mendapatkan sokongan tempatan
- Mewujudkan semangat perpaduan
- Memudahkan urusan pentadbiran

38 Mengapakah Jepun menyerahkan negeri berikut kepada Thailand selepas berjaya menguasai Tanah Melayu pada tahun 1940-an?

- Perlis
- Kedah
- Kelantan
- Terengganu

- Membekalkan senjata
- Memberikan laluan tentera
- Memperoleh maklumat sulit
- Menghalang bekalan makanan

39 Rajah 6 menunjukkan faktor-faktor kejayaan Jepun menguasai Tanah Melayu.



Apakah X?

- Mempunyai tentera yang ramai
- Menerima bantuan daripada Belanda
- Memperoleh sokongan pembesar tempatan

- D Mendapat kerjasama Kesatuan Melayu Muda (KMM)

40 Apakah ciri persamaan pertubuhan berikut?

- Force 136
- Gerila Kinabalu
- Askar Melayu Setia

- A Menentang penjajahan Jepun  
B Menyebarluaskan fahaman komunis  
C Menggalakkan perpaduan kaum  
D Menolak dasar pentadbiran British

41 Mengapakah Jepun mengambil tindakan berikut kepada penduduk tempatan pada tahun 1940-an?

Setiap keluarga hanya dibenarkan memiliki dua gantang beras untuk sebulan

- A Mengawal inflasi  
B Menyekat eksport beras  
C Mengawal bekalan makanan  
D Menanam sikap berjimat cermat

42 Apakah tujuan British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946?

- |                         |                          |
|-------------------------|--------------------------|
| A Menamatkan penjajahan | C Memantapkan perpaduan  |
| B Menguasai perdagangan | D Mengukuhkan pertahanan |

43 Apakah peranan akhbar berikut dalam penentangan Malayan Union?

- Majlis
- Warta Negara
- Utusan Melayu

- A Menggalakkan perpaduan kaum  
B Menuntut kemerdekaan tanah air  
C Menyeru pembentukan parti politik  
D Menentang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

44 Bagaimanakah cara penentangan pegawai British berikut terhadap Malayan Union?

- Sir Frederick Weld
- Sir Cecil Clementi Smith

- A Menulis dalam akhbar  
B Menyertai rapat umum  
C Menghantar surat bantahan  
D Memulau perlantikan Gabenor


45 Berikut adalah tokoh yang memperjuangkan UMNO.

- Dato' Onn Jaafar
- Dato' Nik Ahmed Kamil
- Dato' Panglima Bukit Gantang

Apakah tugas tokoh tersebut?

- A Mencipta logo UMNO  
B Menubuhkan cawangan UMNO  
C Menggubal perlembagaan UMNO  
D Memujuk orang Melayu menyertai UMNO

46 Rajah 7 menunjukkan perubahan berkaitan kerakyatan di Tanah Melayu antara tahun 1946 dan 1948.



Rajah 7

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Tekanan golongan imigran  
B Desakan daripada negara luar  
C Kritikan pegawai kanan British  
D Bantahan oleh masyarakat Melayu

47 Mengapakah tokoh berikut mengasaskan fahaman komunisme?

Karl Marx telah mengasaskan fahaman komunisme pada pertengahan abad ke-19.

- A Menolak amalan perhambaan  
B Menghapuskan sistem percukaian  
C Menamatkan kekejaman pemerintah  
D Menentang penguasaan golongan feudal

- 48 Apakah keuntungan yang diperolehi oleh Parti Komunis Malaya (PKM) apabila bekerjasama dengan British untuk menentang Jepun?
- A Membuka petempatan baru
  - B Mengambil alih pentadbiran
  - C Memperolehi bekalan senjata
  - D Mendapat latihan kepimpinan
- 49 Apakah tujuan British membuat pengisytiharan berikut?
- | Tahun    | Peristiwa   |
|----------|---|
| Jun 1948 | Darurat diisytiharkan di seluruh Tanah Melayu selepas pengganas komunis membunuh tiga orang pengurus ladang berbangsa Eropah di Sungai Siput. |
- A Menyekat kebebasan akhbar
  - B Menggagalkan kerjasama kaum
  - C Melaksana pemerintahan tentera
  - D Melindungi kepentingan ekonomi
- 50 Pernyataan di bawah menunjukkan usaha British untuk memulihkan keamanan negara melalui penubuhan *Home guard*.
- Anggota *Home Guard* merupakan masyarakat kampung yang terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan
- Apakah nilai yang boleh diperolehi daripada tindakan tersebut?
- A Bertolak ansur dalam tindakan
  - B Bekerjasama untuk keamanan
  - C Bersatu padu menentang penjajah
  - D Berbangga dengan kekuatan pertahanan
- 51 Pernyataan di bawah berkaitan dengan sistem pendaftaran kebangsaan.
- Setiap penduduk berumur 12 tahun atau lebih mesti didaftarkan dan diberi kad pengenalan
- Mengapakah British memperkenalkan sistem tersebut?
- A Melicinkan pemberian makanan
  - B Memantau pergerakan penduduk
  - C Membuat bancian masyarakat imigran
  - D Memudahkan pembinaan kampung baru

52 British telah melancarkan kempen “memenangi hati dan fikiran rakyat” pada tahun 1950-an.

Apakah kejayaan yang dicapai dalam kempen tersebut?

- A Menamatkan peristiwa darurat
- B Memperkuatkan pertahanan negara
- C Memperbaiki taraf hidup masyarakat
- D Meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat

53 Jadual di bawah berkaitan mereka yang terlibat dalam Pertemuan Baling pada tahun 1955.

<b>Wakil kerajaan</b>	<b>Wakil PKM</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• David Marshall</li><li>• Tun Tan Cheng Lock</li><li>• Tunku Abdul Rahman</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Chin Peng</li><li>• Chien Tien</li><li>• Rashid Maidin</li></ul>

Apakah tuntutan yang dikemukakan oleh PKM?

- A Memohon pengampunan ahli
- B Mengelakkan kerakyatan ahli
- C Mengiktiraf sebagai pertubuhan politik
- D Menuntut jawatan penting dalam pentadbiran

54 Mengapa perpaduan kaum penting sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan?

- I Menjamin kestabilan politik
  - II Memperkayakan warisan bangsa
  - III Mengukuhkan kedudukan pemerintah
  - IV Mewujudkan keharmonian masyarakat
- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

55 Maklumat di bawah menunjukkan persetujuan yang dicapai antara UMNO dan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum.

- Bantuan ekonomi kepada orang Melayu
- Melonggarkan syarat kerakyatan persekutuan

Apakah pengajaran yang dapat diambil daripada rundingan tersebut?

- A Menghargai jasa pemimpin negara
- B Kekayaan negara dikongsi bersama
- C Pemuafakatan melalui semangat tolak ansur
- D Berganding bahu meninggikan maruah bangsa

56 Maklumat berikut menunjukkan parti yang ditubuhkan sebelum negara mencapai kemerdekaan.

- Parti Negara
- Independence of Malaya Party (IMP)

Apakah persamaan parti tersebut?

- A Menerima kerakyatan *jus soli*
- B Mewujudkan raja berperlembagaan
- C Membuka keahlian kepada semua kaum
- D Melaksanakan sistem pelajaran kebangsaan

57 Maklumat berikut berkaitan sekolah yang wujud di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan.

- Sekolah Cina
- Sekolah Tamil
- Sekolah Melayu

Apakah kesan daripada kewujudan sekolah tersebut?

- A Perpaduan sukar diwujudkan
- B Pembangunan luar bandar terjejas
- C Perbelanjaan pendidikan meningkat
- D Pengendalian pentadbiran lebih seragam

58 Apakah tujuan Sistem Ahli diperkenalkan?


- A Mengembalikan kuasa pembesar tempatan
- B Mengelakkan ketaatan golongan imigran kepada kerajaan
- C Melatih orang Melayu dan masyarakat lain dalam pentadbiran
- D Menyemarakkan semangat kebangsaan dalam kalangan orang tempatan

59 Mengapakah agensi berikut ditubuhkan?

Tahun	Agensi
1951	Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)

- I Memasarkan hasil pertanian negara
  - II Meningkatkan taraf hidup orang Melayu
  - III Memujuk orang Melayu melonggarkan syarat kerakyatan
  - IV Menghapuskan pengenalan ekonomi mengikut kaum
- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 60 Rajah 8 di bawah menunjukkan faktor yang membawa kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.



Rajah 8

Apakah X?

- A Mendapat sokongan negara luar
- B Mengamalkan sikap bertolak ansur
- C Mempunyai pengalaman mentadbir
- D Memperolehi kewangan yang kukuh

### PMR SEJARAH – UJIAN DIAGNOSTIK 2009 – JAWAPAN

1. A	11. D	21. A	31. A	41. C	51. B
2. C	12. B	22. C	32. B	42. D	52. D
3. D	13. A	23. D	33. C	43. B	53. C
4. C	14. A	24. B	34. C	44. A	54. B
5. C	15. B	25. B	35. A	45. C	55. C
6. D	16. D	26. C	36. D	46. D	56. C
7. A	17. A	27. D	37. B	47. D	57. A
8. A	18. C	28. A	38. B	48. C	58. C
9. C	19. B	29. D	39. D	49. D	59. C
10. B	20. D	30. D	40. A	50. B	60. B